



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 1/2010**

**MEMPERCEPATKAN PENDAFTARAN PINDAH MILIK TANAH DALAM MASA
SATU (1) HARI BEKERJA**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan kepada Pendaftar Hakmilik untuk mempercepatkan pendaftaran pindah milik tanah dalam masa satu (1) hari bekerja.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kedudukan Malaysia dalam penarafan Bank Dunia dari segi *ease of doing business* telah merosot sebanyak 2 anak tangga iaitu dari kedudukan 21 pada tahun 2009 kepada kedudukan 23 pada tahun 2010. Antara yang menyumbang kepada kemerosotan ini ialah *registering property* yang merosot sebanyak 5 anak tangga iaitu dari kedudukan 81 pada tahun 2009 kepada kedudukan 86 pada tahun 2010.
- 2.2 Mengikut Bank Dunia, Malaysia memerlukan 144 hari untuk menyelesaikan pendaftaran pindah milik tanah (Borang 14A) di Kuala Lumpur yang melibatkan 3 agensi Kerajaan iaitu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pejabat tanah. Tempoh masa yang paling lama adalah pendaftaran pindah milik di pejabat tanah yang memerlukan 105 hari.

- 2.3 Kemerosotan penarafan Malaysia oleh Bank Dunia boleh menyebabkan penurunan daya saing negara dalam menarik pelaburan luar dan seterusnya boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan telah meminta agensi berkaitan supaya membuat penambahbaikan dalam proses kerja berkenaan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia. Selain itu penambahbaikan yang dilakukan juga akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat sesuai dengan gagasan 1 Malaysia: Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.
- 2.4 Mesyuarat Khas *Focus Group On Registering Property* yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 8 Februari 2010 telah memutuskan supaya **pendaftaran pindah milik tanah diselesaikan dalam masa satu (1) hari bekerja mulai 1 Mac 2010.**
- 2.5 Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 yang diadakan pada 22 Februari 2010 telah bersetuju dengan pelaksanaan ini.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Semua pejabat tanah hendaklah menyelesaikan semua tunggakan urusan dan bukan urusan sebelum 1 Mac 2010 agar semua perserahan yang diterima mulai 1 Mac 2010, khususnya yang melibatkan pindah milik dapat didaftarkan dalam masa 1 hari bekerja.
- 3.2 Pemantapan pendaftaran melalui kaedah *One Piece Flow* di mana setiap perserahan akan terus diproses tanpa ada tempoh menunggu.
- 3.3 Menyemak semula proses aliran kerja bagi membuang tempoh menunggu dan lain-lain proses yang tidak perlu.
- 3.4 Mewujudkan pasukan kerja pendaftaran yang bersedia setiap masa sesuai dengan beban tugas harian. Dicadangkan setiap masa terdapat dua (2) kerani kemasukan bagi seorang pendaftar berasaskan seorang kerani kemasukan mampu membuat 40 kemasukan sehari dan seorang pendaftar mampu membuat 80 pendaftaran sehari.
- 3.5 Menyediakan senarai semak (check list) yang komprehensif dan lengkap bagi kegunaan orang ramai termasuk wakil-wakil firma guaman yang berurusan dengan Pejabat Tanah Galian dan Pejabat Tanah Daerah.

- 3.6 Memastikan peserah termasuk wakil-wakil firma guaman mengemukakan dokumen perserahan yang lengkap dan layak untuk didaftarkan (*fit for registration*) mengikut peruntukan di bawah Seksyen 297 (a) Kanun Tanah Negara.
- 3.7 Meningkatkan kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan seperti senarai semak dan sebagainya melalui kaunter khidmat pelanggan dan Laman Web.
- 3.8 Mengadakan latihan secukupnya kepada anggota pasukan pendaftaran bagi melancarkan urusan dan mengurangkan kesilapan.
- 3.9 Mengamalkan persekitaran kerja berkualiti (5S) di Pejabat Tanah Galian dan Pejabat Tanah Daerah.
- 3.10 Meningkatkan komitmen anggota pentadbiran tanah.

4. **TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2010. Pentadbir Tanah / Pendaftar hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 1 Mac 2010

Rujukan : (37)d/m. PTG.NS 10/14 Klt. 2

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)
Penolong Pengarah (HM/S)
Penolong Pengarah (P/HM)
Penolong Pengarah (H)
Penolong Pengarah (P)
Penolong Pengarah (PT)
Penolong Pengarah (TM)
Penolong Pengarah (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan